



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

SAMBUTAN HARI KANAK-KANAK PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2025 “HARI INI, SUARAKU”

KUALA LUMPUR, 23 NOVEMBER 2025 – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) hari ini telah menganjurkan Sambutan Hari Kanak-Kanak Peringkat Kebangsaan Tahun 2025 di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur dengan penglibatan lebih 1,000 orang kanak-kanak dari seluruh negara dan majlis perasmiannya telah disempurnakan oleh YABhg. Dato’ Seri Dr. Wan Azizah binti Dr. Wan Ismail.

YABhg. Dato’ Seri Dr. Wan Azizah binti Dr. Wan Ismail dalam ucapan perasmiannya menyatakan bahawa Kerajaan sentiasa menunjukkan komitmen yang tinggi untuk melindungi hak kanak-kanak melalui pelbagai dasar, undang-undang dan inisiatif seperti yang digariskan dalam Akta Kanak-Kanak 2001 serta Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC). “Antara fokus utama kerajaan termasuklah menangani peningkatan kes buli di sekolah, jenayah seksual terhadap kanak-kanak, eksploitasi melalui media sosial, serta ancaman jenayah siber yang semakin membimbangkan”, katanya dalam ucapan perasmian tersebut.

Sambutan kali ini yang mengangkat tema “Hari Ini, Suaraku telah mendapat kerjasama Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku penganjur bersama. Tema ini menekankan kepentingan memberi ruang kepada kanak-kanak untuk menyuarakan pandangan, aspirasi dan peranan mereka dalam masyarakat.

YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, dalam ucapan aluannya menyatakan bahawa Sambutan Hari Kanak-Kanak dilaksanakan bagi menggalakkan komitmen masyarakat untuk bersama-sama kerajaan dalam merancang dan melaksanakan program ke arah pembangunan kanak-kanak. “Di samping itu, diharapkan juga agar sambutan seumpama ini dapat mengeratkan jurang hubungan antara generasi agar perasaan kasih sayang serta saling hormat-menghormati dapat dieratkan”, katanya dalam ucapan aluan tersebut.

Dalam majlis yang sama, YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad turut berkongsi satu berita gembira iaitu program advokasi kanak-kanak kendalian JKM telah mendapat pengiktirafan ***The Malaysia Book of Records*** sebagai ‘***The Largest Child Protection Advocacy Programme***’ yang pernah dilaksanakan oleh sesebuah Jabatan dengan **penyertaan seramai 128,148 kanak-kanak**. Pengiktirafan ini merupakan bukti komitmen dan dedikasi KPWK dalam memperkasa agenda advokasi demi kesejahteraan kanak-kanak di negara ini.

Sebagai salah satu agenda utama sambutan, majlis turut menyampaikan tujuh anugerah termasuk **Anugerah Pingat Hang Tuah 2025**, iaitu pengiktirafan tahunan kepada seorang kanak-kanak yang menunjukkan keberanian luar biasa dalam situasi kecemasan atau bencana. **Penerima anugerah bagi tahun ini ialah Mohamad Amirul Asyraf bin Khairul Azahar.**

Turut disampaikan ialah Anugerah Gemilang dan Anugerah Khas yang mengiktiraf pencapaian cemerlang kanak-kanak dalam bidang akademik, sukan, seni, kebudayaan serta pencapaian luar biasa oleh kanak-kanak berkeperluan khas (OKU). Beberapa NGO yang memberi sumbangan signifikan kepada pembangunan kanak-kanak turut menerima penghargaan.

Sambutan pada tahun ini turut diisi dengan pelbagai aktiviti menarik termasuk pameran kesedaran, permainan interaktif, sukan, aktiviti seni dan sesi pendidikan yang direka untuk membina keyakinan diri, kemahiran kepimpinan serta kreativiti kanak-kanak.

Aktiviti-aktiviti ini memberi peluang kepada kanak-kanak merasai pengalaman bermakna yang menggalakkan interaksi sihat dan perkembangan sahsiah.

Sambutan Hari Kanak-Kanak Peringkat Kebangsaan Tahun 2025 melambangkan hasrat bersama untuk memastikan setiap kanak-kanak di Malaysia didengari suaranya, dihargai potensinya dan dilindungi haknya selaras dengan prinsip Malaysia MADANI.

###

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

23 NOVEMBER 2025